

Perihal Cadangan Spotlight & Privasi

Cadangan Spotlight menunjukkan cadangan daripada Internet, iTunes, App Store, masa tayangan filem, lokasi berdekatan dan selanjutnya dalam Spotlight dan Cari.

Apabila anda menggunakan Spotlight atau Cari, pertanyaan carian anda, Cadangan Spotlight yang anda pilih dan data penggunaan berkaitan akan dihantar ke Apple. Hasil carian dijumpai pada Mac anda tidak akan dihantar. Jika anda mempunyai Perkhidmatan Lokasi pada Mac anda diaktifkan, apabila anda membuat pertanyaan carian ke Spotlight atau menggunakan Cari lokasi Mac anda pada masa itu akan dihantar ke Apple. Carian untuk perkataan dan frasa biasa akan dimajukan dari Apple ke enjin carian Bing Microsoft. Carian ini tidak disimpan oleh Microsoft. Untuk membekalkan anda dengan lebih banyak cadangan muzik dan video berkaitan, jika Mac anda boleh akses perkhidmatan langganan muzik atau video, kemudian maklumat seperti nama perkhidmatan dan jenis langganan mungkin dihantar ke Apple. Nama, nombor dan kata laluan akaun anda tidak akan dihantar ke Apple. Lokasi, pertanyaan carian dan penggunaan maklumat dihantar ke Apple akan hanya digunakan oleh Apple untuk menjadikan Cadangan Spotlight lebih berkaitan dan untuk mempertingkatkan produk dan perkhidmatan Apple yang lain.

Jika anda tidak mahu pertanyaan carian Spotlight dan Cari serta data penggunaan Cadangan Spotlight dihantar ke Apple, anda boleh nyahaktifkan Cadangan Spotlight. Hanya nyahpilih kotak semak untuk "Benarkan Cadangan Spotlight dalam Spotlight dan Cari" dan kotak semak untuk Cadangan Spotlight dalam tab Hasil Carian dalam anak tetingkap Keutamaan Spotlight dijumpai dalam Keutamaan Sistem pada Mac anda. Jika anda nyahaktifkan Cadangan Spotlight, Spotlight akan hanya mencari kandungan Mac anda dan Cari akan hanya mencari kamus pada Mac anda.

Anda boleh nyahaktifkan Perkhidmatan Lokasi untuk Cadangan Spotlight dalam anak tetingkap Keselamatan & Privasi dari Keutamaan Sistem pada Mac anda dengan mengklik pada tab Privasi, memilih Perkhidmatan Lokasi, memilih Butiran bersebelahan Perkhidmatan Sistem, kemudian menyahpilih Cadangan Safari & Spotlight. Jika anda nyahaktifkan Perkhidmatan Lokasi pada Mac anda, lokasi anda yang tepat tidak akan dihantar ke Apple. Untuk menghantar cadangan carian yang berkaitan, Apple mungkin menggunakan alamat IP sambungan Internet anda untuk menganggar lokasi anda dengan memadankannya dengan rantau geografi.

Dengan menggunakan ciri ini, anda bersetuju dan membenarkan Apple dan anak syarikatnya serta penghantaran, koleksi, penyelenggaraan, pemprosesan ejen dan menggunakan maklumat ini seperti yang diterangkan di atas.

Maklumat yang dikumpulkan oleh Apple akan dianggap berkaitan dengan Dasar Privasi Apple, yang boleh dijumpai di www.apple.com/my/privacy. Tidak semua ciri Cadangan Spotlight mungkin tersedia dalam semua bahasa atau rantau serta sesetengah ciri Cadangan Spotlight mungkin berbeza mengikut rantau.